

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [SEPANGGAR]

TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan dilakukan bagi menyelesaikan masalah bekalan air bersih di Sabah yang setiap tahun mengalami masalah yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara dasarnya, penyediaan bekalan air bersih dan terawat adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) yang melibatkan penyediaan sumber air, pembinaan paip utama, pembinaan loji rawatan air serta pengoperasian dan penyelenggaraan.

Peranan dan matlamat Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) adalah membantu mempercepatkan liputan dan merapatkan jurang bekalan air bersih dan terawat ke kawasan luar bandar melalui penyambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah yang belum mendapat bekalan air bersih dan terawat.

Bagi kawasan-kawasan luar bandar yang kritikal, Kementerian boleh mempertimbangkan membina atau menaiktaraf loji rawatan air, pembinaan paip utama, pembinaan tangki dan rumah pam bagi

NO. SOALAN : 20

memastikan kawasan luar bandar mendapat bekalan air terawat dengan tekanan dan kapasiti yang mencukupi.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian adalah dengan sentiasa melibatkan Agensi Kerajaan Negeri seperti UPEN Sabah, Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah dan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dalam semua perbincangan, penyelarasan dan semak silang sebelum sesuatu projek dan permohonan belanjawan dilaksanakan. Kementerian juga telah mewujudkan Jawatankuasa Bersama di antara Kerajaan Negeri dan Kementerian bagi memastikan pelaksanaan projek lebih efisien.